

# **Perhimpunan Penyempurnaan bagi Pelayan-pelayan dalam Perhimpunan Kumpulan**

05 / 02 / 2022

<b>Sesi Satu</b>	900–1030
<b>Sesi Dua</b>	1100–1230
<b>Makan Tengah Hari</b>	1230–1330
<b>Sesi Tiga</b>	1330–1430
<b>Perbincangan dalam Kumpulan</b>	1430

### **Beban bagi perhimpunan penyempurnaan kali ini:**

Kita semua harus benci akan keadaan mati, kesuaman, dan tidak menghasilkan buah. Kita harus mencari untuk menjadi vital secara terdesak, menganggap hal ini soal hidup atau mati. Amalan kumpulan vital tidak akan berkesan jika kita memandang ringan akan hal ini. Kita harus bersekutu tentang hal tidak menghasilkan buah bersama dengan teman-teman kita. Kemudian Tuan mungkin akan memimpin kita untuk berpuasa sekali seminggu. Sewaktu Dikbang Watchman Nee seorang pelajar, dia membuat keputusan untuk berpuasa dan berdoa setiap hari Sabtu demi pemberitaan injil pada keesokan hari. Kita juga mungkin mempunyai perasaan dipimpin oleh Tuan untuk berpuasa dan berdoa demi penghasilan buah kita.

Kita harus melaksanakan amalan kumpulan vital secara terdesak. Kita harus berdoa secara terdesak, agar Tuan memberi kita beberapa buah dan menyingkirkan keadaan kita yang tidak berbuah. Hal ini seharusnya soal hidup atau mati bagi kita. Jika kita berasa terdesak, saya percaya bahawa ikan akan datang kepada kita. Tuan akan menghantar mereka kepada kita. Akan tetapi, jika kita bersikap tidak ambil peduli, tidak akan ada ikan datang kepada kita. Perkara paling susah bagi kita ialah menjadi terdesak. Perkara paling mustahak bagi kita hari ini ialah menjadi terdesak, mengatasi keadaan mati di Sardis, kesuaman di Laodikia, dan keadaan tidak berbuah yang ditanggulangi Tuan dalam Yohanes 15. (*The Training and the Practice of the Vital Groups*, m.s. 41-42)

Petikan daripada Ministri 1:

### **Penggenapan Ekonomi Tuhan Memerlukan Kerjasama Manusia**

Kita perlu mempunyai tanggapan mendalam berkenaan hal ini, iaitu penggenapan ekonomi Tuhan memerlukan kerjasama kita. Bekerjasama dengan Tuhan bererti diikat bersama dengan Tuhan. Kita boleh menggunakan pertandingan tiga kaki sebagai ilustrasi. Pelumba-pelumba dalam pertandingan sebegini harus berlumba dalam pasangan, dengan mengikat kaki satu pihak kepada kaki pihak yang satu lagi. Mereka harus bekerjasama sesama sendiri supaya pasangan yang satu lagi boleh berlari dan tidak bergerak secara individu. Inilah gambaran bagi kehidupan orang Kristian yang wajar. Menjadi seorang Kristian bererti diikat bersama dengan Kristus dan menjalani satu kehidupan bersama-sama dengan-Nya melalui satu hayat.

Kelahiran Samuel berkait rapat dengan kerjasama Hana dengan Tuhan. Kehentaran Harun yang lama telah menjadi lapuk dan merosot, dan Tuhan hendak memperoleh satu permulaan yang baru. Demi kelahiran Samuel, Tuhan melakukan sesuatu di sebalik tabir. Dari satu segi, Dia menutup rahim Hana; dari segi lain, Dia menyediakan seorang untuk menyakitkan hatinya (1 Sam. 1:5-7). Hal ini memaksa Hana berdoa agar Tuan memberi dia seorang anak lelaki. Dalam doa, dia bernazar kepada Tuhan, "O Yehova ribuan tentera, sesungguhnya jika Engkau melihat kesengsaraan hamba perempuan-Mu dan mengingati aku dan tidak melupakan hamba perempuan-Mu, tetapi memberi hamba perempuan-Mu seorang anak lelaki, maka aku akan memberinya kepada Yehova sepanjang hayatnya, dan pisau cukur tidak akan mengenai kepalanya" (ay. 11). Doa ini bukan dimulakan oleh Hana tetapi oleh Tuhan. Tuhan memilih Hannah kerana dia sudi bekerjasama dengan Tuhan. Tuhan memakbulkan doanya dan membuka rahimnya. Hana pun hamil lalu melahirkan seorang anak lelaki (ay. 20). Kemudian Hana mempersembahkan anak lelakinya kepada Tuhan berdasarkan nazarnya, meletakkannya di bawah jagaan Eli. Daripada hal ini, kita melihat bahawa Hana, ibu Samuel, merupakan seorang yang memberi kerjasama sepenuhnya kepada Tuhan. Kesnya menunjukkan kepada kita jenis orang yang hendak diperoleh Tuhan.

Kebelakangan ini saya mempertimbangkan hal ini, saya terkenang pengalaman Hudson Taylor, pengasas Misi Pedalaman Negara China, iaitu suatu misi yang amat rohani dan banyak digunakan oleh Tuan. Daripada biografi yang ditulis oleh menantunya, Mrs. Howard Taylor, kita diberitahu bahawa Hudson Taylor berdoa kepada Tuan pada suatu hari dengan berkata bahawa dia rela menyerahkan nyawa dan segala-gala demi orang China. Tuan menghormati nazar ini lalu terbentuklah Misi Pedalaman Negara China.

Walaupun saya tidak membandingkan diri saya dengan Hudson Taylor, saya boleh bersaksi bahawa pengalaman saya mirip dengannya. Ketika saya berumur belasan tahun dan berikhtiar memperoleh pendidikan saya, Tuhan telah menangkap saya lalu saya diselamatkan. Sejurus selepas itu, dalam perjalanan balik ke rumah, saya mengangkat kepala memandang langit di atas jalan dan memberitahu Tuan bahawa saya hanya mengingini Dia dan melayan Dia dengan membawa Bible dan memberitakan Kristus di serata tempat. Walaupun saya tidak faham pada ketika itu, namun sebenarnya saya bernazar kepada Tuan. Nazar tersebut dihormati-Nya.

Hari ini, banyak benua dan negara terbuka kepada pemulihan Tuan. Oleh itu, perlu adanya orang yang bernazar seperti Hannah. Saya berharap banyak pemuda dapat bernazar dengan sedemikian. Kamu harus berkata, "O Tuan, aku kepunyaan-Mu, aku meminjamkan diriku kepada-Mu. Tuhan akan menerima nazar kamu dan menyempurnakan sesuatu untuk menggenapi nazar kamu kepada-Nya. (*Life-study of Samuel*, bab 1)

Petikan daripada Ministri 2:

### **Mengubah Konsep**

Mengubah konsep seseorang bukanlah perkara yang mudah. Saya sendiri mengambil masa 5 tahun untuk berubah. Bermula pada tahun 1980 hingga 1984, saya sentiasa mengkaji sebab bilangan orang tidak bertambah dalam pemulihan Tuan walaupun setiap tahun kita memberitakan injil, berjerih lelah dalam kerja. Keadaan ini bukan sahaja berlaku di Taiwan, bahkan di Amerika Syarikat. Persoalan ini menekan saya sehingga saya tidak ada jalan dan terpaksa membaca Bible dengan tekun sekali lagi dan berusaha mengkajinya dengan serius. Akhirnya Tuan menunjukkan kepada saya tentang konsep “rumah”. Bible mewahikan bahawa Tuhan sendiri turun dari syurga, menjadi tubuh daging, serta bersikap aktif untuk pergi dari satu rumah ke rumah yang lain bagi mencari pendosa. Tuan sendiri pergi ke rumah Zakheus. Dia juga menjelajah khususnya untuk mencari perempuan berdosa di perigi Samaria. Wasiat Baru menunjukkan kepada kita dengan jelas bahawa rumah adalah pusat dan bahawa injil merupakan hal pergi ke rumah dan bukannya mengundang orang datang dan mendengar. Sekiranya hari ini Tuhan mengundang kita ke syurga-syurga, tempat duduk-Nya, kita pasti tidak ada jalan untuk pergi ke situ. Sebaliknya, Dia turun dan membawa injil kepada kita, menjadikannya mudah kita hubungi. Oleh sebab kita bertindak berlawanan dengan prinsip ini, kita tidak mempunyai berkat Tuan untuk tempoh masa yang panjang.

Apabila saya nampak hal ini dengan jelas, saya bertaubat secara tuntas kepada Tuan. Tiga puluh tahun yang lalu ketika saya masih tinggal di Taiwan, saya nampak orang menunggang basikal dengan meletakkan papan tanda “Menyuntik di Rumah”. Ini bererti bahawa orang tidak perlu pergi ke klinik, doktor yang pergi ke rumah pesakit dan memberi dia suntikan. Sekarang di Amerika Syarikat terdapatnya pelayan menghantar makanan ke rumah, yang amat membantu dalam perniagaan. Jika kamu memudahkan orang, mereka mengalu-alukan kamu. Dengan cara yang sama, jika kita mempunyai harapan bahawa pemulihan Tuan bertambah dan berkembang, kita harus mengubah konsep kita. Kita harus menghantar injil ke rumah orang dan bukannya mengundang orang datang dan mendengar injil. (*The Furtherance of the New Way for the Lord's Recovery*, bab 4)

## Sesi Pertama

### Konsep Wajar tentang Kumpulan Kecil dan Perhimpunan Kumpulan

Soalan 1: Apakah itu kumpulan kecil? Apakah hubungan antara kumpulan kecil dan kehidupan gereja kita?

Soalan 2: Apakah itu perhimpunan kumpulan? Bagaimanakah kita melaksanakan perhimpunan kumpulan?

#### Garis Kasar:

Bacaan Bible: Ibrani 10:24-25

#### I. Membentuk kumpulan kecil dengan beberapa orang pekudus dan percayawan baru.

#### II. Perhimpunan kumpulan:

- A. Memimpin pekudus bersekutu dengan satu sama lain, berdoa pinta untuk satu sama lain, saling menjaga, dan menggembala dalam perhimpunan kumpulan.
- B. Membantu pekudus untuk saling bertanya dan saling menjawab agar mereka dapat mengajar satu sama lain.
- C. Menyempurnakan dan melengkapi pekudus supaya mereka melaksanakan setiap langkah dalam jalan yang ditetapkan Tuhan.

Petikan daripada Ministri:

Tanggungjawab kita ialah melaksanakan kewajipan hentar injil Wasiat Baru. Sebagai hentar injil, kita juga perlu menyelamatkan pendosa, agar mereka dapat dipersembahkan sebagai korban kepada Tuhan (Roma 15:16). Kita juga perlu memberi makan kepada percayawan baru dalam perhimpunan rumah, serta menyempurnakan pekudus dalam perhimpunan kumpulan agar pekudus dapat menjalankan kerja ministri Wasiat Baru (Ef. 4:12).

Perhimpunan kumpulan yang diwahikan dalam Ibrani 10:24-25, dengan tegasnya, bukanlah untuk memberitakan injil, memberi makan kepada percayawan baru, atau perhimpunan bertutur-sabda. Perhimpunan kumpulan merupakan perhimpunan saling-menyalang.

Sesetengah dalam kalangan kita tidak mengenali dan mengamalkan perhimpunan kumpulan dengan betul. Berdasarkan Wasiat Baru, perhimpunan kumpulan merangkumi saling menggembala, menjaga, berdoa-pinta, mengajar menerusi soal-jawab, menyempurna, serta memperlengkapi. Perhimpunan kumpulan merupakan 80 % kehidupan gereja yang sebenar. Tanpa perhimpunan kumpulan, kehidupan gereja menjadi tidak sempurna. Hari ini, amalan kehidupan gereja kita adalah lemah dan serba kekurangan lantaran kita tidak mempunyai perhimpunan kumpulan saling-menyalang yang wajar.

Perhimpunan gereja haruslah saling-menyalang. Saling-menyalang (*mutuality*) berbeza daripada kejamakan (*plurality*). Tanggungjawab kepenatuaan harus dipikul oleh bilangan orang yang jamak...Kepenatuaan merupakan perkara jamak. Sifat saling-menyalang adalah untuk perhimpunan gereja. Pada masa lampau, dalam amalan hanya ada satu atau dua orang yang berbicara dalam perhimpunan gereja. Hari ini sesetengah menganggap bahawa perhimpunan kita bersifat saling-menyalang jika kita mengatur 8 hingga 10 orang untuk berbicara dalam perhimpunan. Pada hakikatnya, ini bukanlah saling-menyalang. Sepuluh orang ini akan menjadi golong paderi, dan pekudus yang lain akan menjadi golong biasa. Akan tetapi, dalam perhimpunan gereja, setiap orang boleh berbicara untuk membina gereja. Inilah saling-menyalang.

Berdasarkan sistem golongan paderi dan golongan biasa...sekiranya ada persoalan yang diungkitkan, hanya mereka yang memimpin perhimpunan berhak menjawab soalan. Namun dalam perhimpunan kumpulan, segala sesuatu adalah saling-menyaling. ...Apabila saya bertanyakan soalan dalam perhimpunan kumpulan, jawapan sesetengah orang mungkin sama sekali salah. Walaupun jawapan salah, namun tindakan setiap orang menjawab adalah betul. Berdiam diri dan senyap dalam perhimpunan adalah sama sekali salah. Berfungsi dengan tidak betul adalah lebih baik daripada langsung tidak berfungsi.

Berbicara dalam perhimpunan kumpulan adalah betul, berdiam diri adalah salah. ...Dalam suatu perhimpunan, saya berdiri dan berkata bahawa setiap orang dalam perhimpunan kumpulan harus berbicara sekurang-kurangnya empat perkataan. Apabila saya berkata sedemikian, saya tidak tahu apakah empat ayat yang harus dibicarakan oleh setiap orang. Kemudian saya berkata, "Setiap orang boleh berkata, 'O! Tuan! Amen! Haleluya!'" Bible penuh dengan ayat "O! Tuan!" Wahi 19:4 berkata, "Maka sujudlah dua puluh empat penatua dan empat makhluk hidup itu lalu menyembah Tuhan yang duduk di atas takhta, dengan berkata, Amen, Haleluya!" Dalam apa jua perhimpunan, kita dapat dan boleh menyanyikan empat perkataan tersebut. Dengan demikian, perhimpunan kita pasti tidak akan senyap. Duduk dengan senyap tidak perlu kita melatih roh, namun berbicara memerlukan kita melatih roh. Berbicara dalam roh memperkenankan Tuan. Hari ini sekiranya perhimpunan kita penuh dengan pembicaraan, orang yang datang ke perhimpunan akan bertambah. Berdiam diri membunuh perhimpunan dan orang yang datang akan berkurangan.

Setiap jenis perhimpunan orang Kristian, termasuk perhimpunan kumpulan, adalah untuk penyembahan. Bersujud ke tanah dan berlutut bukanlah makna sebenar bagi penyembahan. Menyembah Tuhan bererti menikmati Tuhan. Menurut Yohanes bab 4, minum Dia yang merupakan air hidup ialah penyembahan sejati (ay. 14, 24). Minum air hidup bererti menikmati Tuhan. (*Elders' Training, Book 11: The Eldership and the God-ordained Way* (3), bab 11)

Kita mesti mengubah jalan kita, terutamanya dalam amalan perhimpunan kumpulan. Setakat ini, susah bagi kita mendapati satu perhimpunan kumpulan yang sama sekali mengikut amalan bersifat organik yang diwahikan Bible, amalan yang kita nampak dan beritakan. Dihimpunkan bersama dalam kumpulan tidak semestinya perhimpunan kumpulan yang betul. Perhimpunan kumpulan yang betul seharusnya bersifat saling-menyaling dalam semua aspek; ajaran seharusnya saling-menyaling, soal-jawab seharusnya saling-menyaling, persekutuan seharusnya saling-menyaling, doa-pinta seharusnya saling-menyaling, penggembalaan dan penjagaan seharusnya saling-menyaling. Apabila kita melaksanakan semua hal yang saling-menyaling, inilah perhimpunan kumpulan yang betul. Perhimpunan kumpulan sedemikian dapat menyempurnakan pekudus. Banyak perhimpunan kumpulan kita adalah alamiah dan tidak diamalkan mengikut ajaran Wasiat Baru, terutamanya ajaran dalam Ibrani 10:24-25. Kita perlu lebih banyak belajar mengamalkan pesanan dalam Ibrani 10:24-25.

Para rakan sekerja dan penatua harus belajar bagaimana menghubungi pekudus secara individu, terutamanya bersekutu dengan mereka tentang perhimpunan kumpulan. Kita perlu bersekutu dengan mereka bagaimana mengajar satu sama lain, saling menyoal dan menjawab, bersekutu dengan satu sama lain, saling berdoa-pinta, saling menjaga dan saling menggembala. Semua inilah perlengkapan dan penyempurnaan yang saling-menyaling. Sekiranya terdapat seorang penatua dalam perhimpunan kumpulan, seluruh perhimpunan mungkin menghendaki pertolongan daripadanya, beranggapan bahawa yang lain tidak mempunyai begitu banyak pengetahuan dan pengalaman. Semua ini adalah salah. Inilah falsafah sistem paus serta sistem golongan paderi dan golongan biasa. Falsafah ini haruslah diketepikan.

Para penatua harus meluangkan masa dan tenaga untuk mengajar setiap orang dalam perhimpunan kumpulan. Mereka perlu pergi ke rumah setiap pekudus di luar masa perhimpunan kumpulan. Inilah sebabnya Paulus berkata dalam Kisah Para Dutus bab 20 bahawa dia mengajar pekudus di hadapan orang banyak dan dari rumah ke rumah, serta malam dan siang dia tidak henti-henti menegur setiap orang dengan air mata (ay. 20, 31). Paulus menggunakan siang dan juga malam. Kebanyakan daripada kita menggunakan masa berhimpun untuk menghubungi pekudus. Kita berfikir bahawa

asalkan kita menyertai setiap perhimpunan, kita sudahpun melaksanakan tanggungjawab kita. Akan tetapi, itu bukannya memikul tanggungjawab yang sempurna. Tanggungjawab kita juga berada di luar perhimpunan.

Tidak ada jalan lain selain menghubungi pekudus secara individu untuk menyempurnakan jalan yang ditetapkan Tuhan. Keperluan hari ini ialah para pelayan sepenuh masa, rakan sekerja, penatua menghabiskan masa, tenaga, dan kebolehan rohani mereka menjaga orang secara individu. ...Perkara utama yang harus kita belajar ialah menghubungi orang, agar mereka diselamatkan, diberi makan, memperoleh pendidikan rohani, diperlengkapi, serta disempurnakan. Dalam satu atau dua tahun ini, orang baru seharusnya dapat melayan Tuan seperti kita. Namun hasil kerja kita hari ini bukanlah begitu. Saya berharap kita semua mempertimbangkan persekutuan ini dengan serius lalu berubah sepenuhnya dalam konsep dan amalan kita. (*Elders' Training, Book 11: The Eldership and the God-ordained Way* (3), bab 11)

## Sesi Dua: Pembukaan Rumah dan Fungsi Dikkak

Soalan 1: Mengapa rumah saya perlu dibuka?

Soalan 2: Apakah watak dikkak-dikkak dalam kehidupan gereja?

### Bahagian Pertama: Rumah

- Kis.16:31 Mereka berkata, Percayalah pada Tuan Yesus, dan kamu akan diselamatkan, kamu dan keluargamu.
- Ibr. 11:7 Melalui iktikad, Nuh, setelah diarahkan Tuhan tentang hal-hal yang belum kelihatan *dan* tergerak oleh ketakwaan, menyediakan sebuah bahtera supaya seisi keluarganya diselamatkan; menerusi bahtera itu, dia mengutuk *dosa* dunia, dan menjadi waris bagi keadilanbenaran yang *diperoleh* menurut iktikad.
- Kis. 2:46 Hari demi hari, terus berteguhan dengan sehati sejiwa di dalam bait dan memecah roti dari rumah ke rumah, mereka sama-sama makan dengan sorak riang dan dengan hati murni,
- Kis. 2:47 Memuji Tuhan dan beroleh kurnia bersama dengan semua orang. Dan Tuan menambahkan orang yang diselamatkan itu bersama-sama hari demi hari.
- Yos. 24:15 Tetapi bagi aku dan seisi keluargaku, kami akan melayani Yehova.
- Roma 16:5 Dan salam kepada gereja yang berada di rumah mereka [Priskila dan Akwila].
- Flm 1:1 Paulus banduan Kristus Yesus, dan dikbang Timotius, kepada Filemon yang dikasihi dan rakan sekerja kita,
- Flm 1:2 Kepada dikkak Apfia, kepada Arkhipus rakan seaskar kita, dan kepada gereja yang ada di rumahmu:

#### I. Rumah—Sarana pendispenan Tuhan dalam ekonomi divin-Nya dan tanda bagi penyatuan abadi Tuhan dan manusia —Kej. 2:18, 24; Wahi 19:7.

- Kej. 2:18 Dan Yehova Tuhan bersabda, Tidak baik bagi manusia itu keseorangan; Aku akan menjadikan seorang pembantu untuknya sebagai pasangannya.
- Kej. 2:24 Oleh itu, seorang lelaki harus meninggalkan bapanya dan ibunya dan akan melekap pada isterinya, dan mereka akan menjadi satu daging.
- Wahi 19:7 Marilah kita bergirang dan bersorak riang, dan marilah kita memberi kemuliaan kepada-Nya, kerana perkahwinan Anak Domba sudah tiba, dan isteri-Nya telah mempersiapkan diri.

#### II. Rumah—Unit penyelamatan menerusi air dan masuk ke bahtera —Kej. 7:1, 13; Ibr. 11:7; 1 Ptr. 3:20.

- Kej. 7:1 Kemudian Yehova bersabda kepada Nuh, Masuklah ke dalam bahtera, engkau dan seisi keluargamu, kerana Aku melihat engkau sahaja yang adilbenar di hadapan-Ku dalam generasi ini.
- Kej. 7:13 ...Nuh serta Sem dan Ham dan Yafet, anak-anak lelaki Nuh, dan isteri Nuh dan tiga orang isteri anak-anaknya bersama dengan mereka masuk ke dalam bahtera.
- Ibr. 11:7 Melalui iktikad, Nuh, setelah diarahkan Tuhan tentang hal-hal yang belum kelihatan *dan* tergerak oleh ketakwaan, menyediakan sebuah bahtera supaya seisi keluarganya diselamatkan; menerusi bahtera itu, dia mengutuk *dosa* dunia, dan menjadi waris bagi keadilanbenaran yang *diperoleh* menurut iktikad. .
- 1 Ptr. 3:20 ...Yang masuk ke dalam bahtera itu dan diselamatkan melalui air hanya sedikit, iaitu lapan sukma.

### **III. Rumah—Unit penyelamatan bagi penebusan, penyelamatan Tuhan, membubuh darah, makan anak domba, iaitu percaya ke dalam Tuan—Kel. 12:3-4, 7; Yos. 6:12-13, 19; 6:7, 24-25; Kis. 16:31; 10:2.**

- Kel. 12:3 Berbicaralah kepada seluruh jemaah Israel, dengan berkata, Pada hari kesepuluh bulan ini, setiap orang harus mengambil seekor anak domba menurut rumah bapanya, seekor anak domba untuk satu keluarga.
- Kel. 12:4 Dan jika keluarga itu terlalu kecil untuk menghabiskan seekor anak domba, maka dia dan jiran di sebelah rumahnya harus mengambil *seekor* menurut bilangan orang *di rumah*; menurut jumlah yang dimakan setiap orang, kamu harus membuat pengiraanmu bagi *pembahagian* anak domba itu.
- Kel. 12:7 Dan mereka harus mengambil sedikit darah dan membubuhkannya pada kedua-dua jenang pintu dan pada ambang pintu rumah tempat mereka memakannya.
- Yos. 2:12 Maka sekarang, bersumpahlah kiranya kepadaku demi Yehova, memandangkan aku telah berlaku baik terhadapmu, bahawa kamu juga akan berlaku baik terhadap rumah bapaku, dan berilah aku beberapa tanda jaminan,
- Yos. 2:13 Bahawa kamu akan melindungi bapaku dan ibuku dan saudara lelakiku dan saudara perempuanku dan segala-gala yang dimiliki mereka, dan akan menyelamatkan nyawa kami daripada maut.
- Yos. 2:19 Barang siapa yang keluar dari pintu rumahmu ke jalan, maka darahnya akan ditanggung atas kepalanya sendiri, dan kami tidak bersalah. Barang siapa yang bersama dengan engkau di dalam rumah, darahnya akan kami tanggung atas kepala kami jika ada tangan yang menyimpannya.
- Yos. 6:7 Dan dia berkata kepada umat, Maralah dan kelilingilah kota itu, dan hendaklah pasukan bersenjata mara di hadapan Tabut Yehova.
- Yos. 6:24 Dan mereka membakar kota itu dengan api dan segala-gala yang ada di dalamnya; tetapi perak dan emas dan wadah tembaga dan besi diletakkan mereka di dalam bilik khazanah rumah Yehova.
- Yos. 6:25 Dan Rahab perempuan sundal itu dan rumah bapanya dan segala kepunyaannya dibiarkan hidup oleh Yosua. Dan dia tinggal di Israel hingga hari ini; kerana dia menyembunyikan utusan yang dihantar Yosua untuk mengintip Yerikho.
- Kis. 16:31 Mereka berkata, Percayalah pada Tuan Yesus, dan kamu akan diselamatkan, kamu dan keluargamu.
- Kis. 10:2 *Dia* seorang yang warak dan bertakwa kepada Tuhan bersama dengan seisi keluarganya dengan banyak bersedekah kepada orang banyak dan selalu memohon kepada Tuhan.

### **IV. Rumah—Unit untuk memperoleh berkat—2 Sam. 6:11.**

- 2 Sam. 6:11 Dan Tabut Yehova berada di rumah Obed-Edom orang Gat itu selama tiga bulan, dan Yehova memberkati Obed-Edom dan seisi rumahnya.

### **V. Rumah—Hubungan etnik untuk menyalurkan kepercayaan —2 Tim. 1:3-5.**

- 2 Tim. 1:3 Aku bersyukur kepada Tuhan yang aku layan mengikut jejak langkah bapa-bapa leluhurku dalam zimah yang suci, sementara mengenang kamu tidak henti-henti dalam permohonanku malam dan siang,
- 2 Tim. 1:4 Ingin sekali melihat kamu, kerana memperingati air matamu, agar aku dapat dipenuhi keriang;
- 2 Tim. 1:5 Setelah mengingati iktikad tanpa kepura-puraan dalam kamu, yang mula-mula huni dalam nenekmu Lois dan ibumu Eunike, dan aku yakin, yang juga *huni* dalam kamu.

### **VI. Rumah—Lingkungan kehidupan untuk mengajar sabda Tuhan: teman rohani untuk doa, kaji, hafal dan bicara —Ul. 6:4-9.**

- Ul. 6:4 Dengarlah O Israel, Yehova itu Tuhan kita; Yehova adalah esa.
- Ul. 6:5 Dan engkau harus mengasihi Yehova Tuhanmu dengan segenap hatimu dan dengan segenap sukdamu dan dengan segenap kekuatanmu.
- Ul. 6:6 Dan sabda ini, yang aku perintahkan kepadamu hari ini, harus ada pada hatimu;
- Ul. 6:7 Engkau harus mengulangi semuanya kepada anak-anakmu, dan berbicara tentang semuanya semasa engkau duduk di dalam rumahmu dan semasa engkau mengembara dalam perjalanan, dan semasa engkau berbaring dan semasa engkau bangun;
- Ul. 6:8 Engkau harus mengikat semuanya pada tanganmu sebagai tanda, dan sabda ini harus menjadi tali ikat dahi di antara dua matamu;
- Ul. 6:9 Kamu harus menuliskan semuanya pada jenang pintu rumahmu dan pada pintu gerbangmu.

**VII. Rumah—tempat paling sesuai untuk memberitakan injil—Kis. 10:2, 24; 11:14; Luk. 10:5-7.**

- Kis. 10:2 *Dia* seorang yang warak dan bertakwa kepada Tuhan bersama dengan seisi keluarganya dengan banyak bersedekah kepada orang banyak dan selalu memohon kepada Tuhan.
- Kis. 10:24 Dan pada keesokan hari, masuklah mereka ke Kaisarea. Kornelius sedang menunggu mereka setelah memanggil sanak saudara dan sahabat-sahabat karibnya bersama-sama.
- Kis. 11:14 Dia akan membicarakan kata-kata kepadamu; melalui kata-kata ini kamu akan diselamatkan, kamu dan seluruh isi rumahmu.
- Luk. 10:5 Dan ke dalam rumah mana pun kamu masuk, katalah terlebih dahulu, Damai sejahtera bagi rumah ini.
- Luk. 10:6 Dan jika ada anak damai sejahtera di situ, damai sejahteramu akan tinggal pada rumah itu; tetapi jika tidak, damai sejahtera akan kembali kepadamu.
- Luk. 10:7 Menetaplah di rumah itu dan makan minum apa yang daripada mereka, kerana yang bekerja layak menerima upahnya. Jangan pindah dari rumah ke rumah.

**VIII. Rumah—Tempat sewajarnya untuk memberi makan dan mengajar orang baru—Kis. 5:42; 20:20.**

- Kis. 5:42 Saban hari, di dalam bait dan dari rumah ke rumah, mereka tidak henti-henti mengajar dan menginjilkan Yesus sebagai Kristus itu.
- Kis. 20:20 Bagaimana aku tidak menahan satu pun daripada hal-hal yang bermanfaat dengan tidak menyatakannya kepada kamu dan dengan tidak mengajar kamu di hadapan orang banyak serta dari rumah ke rumah.

**IX. Rumah—Tempat utama bagi kehidupan Tubuh—2:46-47.**

- Kis. 2:46 Hari demi hari, terus berteguhan dengan sehati sejiwa di dalam bait dan memecah roti dari rumah ke rumah, mereka sama-sama makan dengan sorak riang dan dengan hati murni,
- Kis. 2:47 Memuji Tuhan dan beroleh kurnia bersama dengan semua orang. Dan Tuan menambahkan orang yang diselamatkan itu bersama-sama hari demi hari.

**X. Rumah—Unit bagi perayaan dan riang ria—Ul. 16:11, 14.**

- Ul. 16:11 Dan engkau dan anak lelaki dan anak perempuanmu, dan hamba lelaki dan hamba perempuanmu, dan orang Lewi yang berada di kotamu dan perantau dan anak yatim dan balu yang berada dalam kalanganmu harus bergirang di hadapan Yehova Tuhanmu, di tempat yang dipilih oleh Yehova Tuhanmu untuk didiami nama-Nya.
- Ul. 16:14 Dan engkau dan anak lelaki dan anak perempuanmu, dan hamba lelaki dan hamba perempuanmu, dan orang Lewi dan perantau dan anak yatim dan balu yang berada di kotamu harus bergirang pada perayaanmu.

**XI. Rumah—Unit bagi melayan Tuhan —Yos. 24:15b; Bil. 18:11.**

- Yos. 24:15 Tetapi bagi aku dan seisi keluargaku, kami akan melayan Yehova.

Bil. 18:11 Ini juga kepunyaanmu, korban unjukan daripada berian mereka, malah semua korban ayunan bani Israel. Aku telah memberikan semuanya kepada engkau dan kepada anak lelakimu dan kepada anak perempuanmu yang bersama dengan engkau, sebagai statut yang berkekalan; setiap orang yang tahir di rumahmu boleh memakannya.

## **XII. Rumah—Teman vital untuk menerima berkat serta berdoa dan berjuang bersama-sama—1 Ptr. 3:7.**

1 Ptr. 3:7 Suami-suami, dengan cara yang sama, tinggallah bersama dengan *mereka* menurut pengetahuan, sebagaimana dengan wadah yang lebih lemah, yang merupakan perempuan, dan memperuntukkan kehormatan kepada *mereka* seperti juga kepada rakan sewaris kurnia hayat, agar doamu tidak terhalang.

## **XIII. Rumah—Miniatur gereja, serta asas dan syarat untuk melayan gereja—1 Tim. 3:4-5.**

1 Tim. 3:4 Seorang yang mengurus rumah tangganya sendiri dengan baik, agar anak-anaknya tunduk dengan penuh keluhuran.

1Tim 3:5 (Tetapi jika seseorang tidak tahu bagaimana mengurus rumah tangganya sendiri, bagaimanakah dia dapat menjaga gereja Tuhan?).

## **XIV. Rumah—Tempat utama bagi perhimpunan gereja secara meriah dan menghasilkan kesaksian—Roma 16:5; 1 Kor. 16:19; Kol. 4:15; Flm. 1:2.**

Roma 16:5 Dan *salam* kepada gereja yang berada di rumah mereka. Salam kepada Epenetus yang kukasihi yang juga buah sulung dari Asia kepada Kristus.

1 Kor. 16:19Gereja-gereja Asia memberi salam kepadamu. Akwila dan Priska banyak memberi salam dalam Tuan kepadamu berserta gereja yang berada di rumah mereka.

Kol. 4:15 Berilah salam kepada dikbang-dikbang di Laodikia, dan juga kepada Nimfa serta gereja di rumahnya.

Flm. 1:2 Kepada dikkak Apfia, kepada Arkhipus rakan seaskar kita, dan kepada gereja yang ada di rumahmu.

## **XV. Rumah—Unit asas membina model kehidupan Tuhan-manusia serta membina Tubuh Kristus—Gal. 2:20.**

Gal. 2:20 Aku telah disalibkan bersama dengan Kristus, dan bukan lagi aku yang hidup, tetapi Kristus yang hidup dalamku, dan *hayat* yang kini aku hidup dalam tubuh, aku hidup dalam *iktikad*, iaitu iktikad Anak Tuhan yang mengasihi aku dan menyerahkan diri-Nya untukku.

## **Bahagian Kedua: 20 Berkat Membuka Rumah**

Mazmur memperlihatkan kepada kita sekurang-kurangnya terdapat 20 berkat membuka rumah dengan menjalani kehidupan gereja di rumah:

1. **Kemuliaan**-- “O Yehova, aku mengasihi rumah kediaman-Mu, / Dan tempat tinggal kemuliaan-Mu” (Mzm. 26:8). Kemuliaan merupakan ekspresi Tuhan; apabila anda membuka rumah demi injil Tuhan, rumah kamu akan menjadi kediaman kemuliaan Tuhan! Kegelapan merupakan ekspresi Syaitan; hari ini orang di dunia membuka untuk berparti, menjadi kediaman kegelapan.

2. **Keindahan**-- “Seperkara yang telah aku mohon daripada Yehova; / Itulah yang pasti aku cari, / Yakni mendiami rumah Yehova / Seumur hidupku, / Untuk menatap keindahan Yehova, / Dan memohon dalam bait-Nya” (Mzm. 27:4). Tidak kira rumahmu dihiasi dengan begitu bergaya dan mewah, tidak dikira sebagai indah; hanya Tuhan yang indah!
3. **Wahi**-- “Sehinggalah aku masuk ke dalam rumah kudus Tuhan; / Barulah aku memperhatikan kesudahan mereka” (Mzm 73:17). Mendapat wahi dalam Tempat Maha Kudus Tuhan!
4. **Indah**-- “Betapa indahnya tabernakal-tabernakal-Mu, / O Yehova ribuan tentera!” (Mzm. 84:1)
5. **Vital**-- “Mereka ditanam di rumah Yehova, / Bertumbuh subur di halaman-halaman Tuhan kita” (Mzm 92:13). Bertumbuh subur iaitu vital!
6. **Berbuah**-- “Mereka tetap akan berbuah pada usia tua; / Mereka akan penuh dengan getah dan kehijauan” (Mzm 92:14). Pekudus kita yang sudah berusia, anak-anak pun sudah dewasa, atau belajar di lokaliti lain, atau berumah tangga serta bekerjaya, rumah telah menjadi seperti sarang yang kosong, setiap hari hanya dapat saling melihat pasangan. Mengapa tidak membuka rumah, agar rumahmu menjadi rumah yang berbuah?
7. **Mata air**-- “Kemudian dengan menyanyi sambil menari, mereka akan berkata, / Semua mata air aku berada dalam engkau” (Mzm 87:7).
8. **Sembah**-- “Junjunglah Yehova Tuhan kita, / Dan sembahlah di gunung kudus-Nya; / Kerana kuduslah Yehova Tuhan kita” (Mzm 99:9).
9. **Bahagia**-- “Tubuh dagingku dan hatiku melenyap, / Tetapi Tuhan itu batuan hatiku dan bahagianku buat selama-lamanya” (Mzm 73:26).
10. **Minyak segar**-- “Tetapi Engkau telah meninggikan tandukku bagaikan tanduk lembu liar; / Aku diurapi dengan minyak segar” (Mzm 92:10).
11. **Tempat perlindungan, tempat persembunyian**-- “Kerana Dia akan menyembunyikan aku di tempat lindung-Nya / Pada waktu kesusahan; / Dia akan menyorokkan aku di tempat persembunyian khemah-Nya; / Dia akan mengangkat aku ke atas batuan” (Mzm 27:5).
12. **Menggalakkan**-- “Dia akan mengangkat aku ke atas batuan. Dan sekarang kepalaku terangkat / Mengatasi musuhku yang mengelilingi aku” (Mzm. 27:5b-6a).
13. **Bernyanyi**-- “Dan dalam khemah-Nya aku akan mempersembahkan / Korban sorakan keriang: / Aku akan bernyanyi dan bermazmur kepada Yehova” (Mzm 27:6b).
14. **Baik**-- “Kecap dan lihatlah bahawa Yehova itu baik; / Berberkatlah orang yang berlindung dalam-Nya” (Mzm 34:8).
15. **Kenyang**-- “Mereka dikenyangkan dengan lemak di rumah-Mu” (Mzm 36:8a).
16. **Perkenanan**-- “Dan Engkau membuat mereka minum daripada sungai kegirangan-Mu” (Mzm. 36:8b).
17. **Hayat**-- “Kerana pada-Mu ada sumber hayat” (Mzm 36:9a).
18. **Cahaya**-- “Dalam cahaya-Mu kami melihat cahaya (Mzm. 36:9b).
19. **Tarian**-- “Engkau telah mengubah ratapanku menjadi tarian” (Mzm 30:11a).
20. **Kegirangan**-- “Engkau telah menanggalkan kain kabungku / Dan mengenakan kegirangan padaku” (Mzm. 30:11b).

Ini merupakan berkat yang anda terima apabila membuka rumah!

## **Bahagian Ketiga: Fungsi Dikkak**

Roma 16:1 Aku mengesyorkan Febe dikkak kita kepadamu; dia seorang diaken perempuan bagi gereja yang berada di Kengkrea,

Yoh. 12:2 Mereka menyediakan perjamuan malam bagi-Nya di sana; Marta melayan, tetapi Lazarus seorang daripada mereka yang sedang duduk makan bersama-sama-Nya.

### **KEPENTINGAN PARA DIKKAK DALAM KEHIDUPAN GEREJA**

Dikbang dan dikkak dengan sangat jelasnya merupakan dua jenis. Tuan merupakan segalanya-- termasuk asal usul manusia, malah dari segi praktikal, iaitu dari segi keinsanan, ibu merupakan asal usul manusia (1 Kor. 11:12). Tanpa ibu, manusia tidak akan dapat terus wujud. Begitu juga, para dikkak merupakan akar gereja, asal usul gereja. Sekiranya tanpa ibu, umat manusia akan pupus; kewujudan gereja sebagai manusia baru yang korporat (Ef. 2:15-16) yang merupakan tujuan abadi Tuhan sangat bergantung kepada para dikkak. Masyarakat serta rumah tangga bergantung kepada ibu berbanding bapa. Dengan kata lain, kita lebih memerlukan ibu yang baik daripada bapa yang baik. Bapa yang baik boleh melakukan banyak perkara yang baik demi anak, tetapi segala yang dilakukan oleh bapa tidak begitu praktikal dan subjektif. Bantuan yang sebenar, tersembunyi, praktikal, dan subjektif bukannya datang daripada bapa, malah daripada ibu. Sekiranya ada anak yang telah kehilangan bapa, namun masih mempunyai ibu yang baik, mereka masih dapat menjadi anak yang baik, tetapi sekiranya telah kehilangan ibu, mereka telah kehilangan sumber bantuan yang wajar.

Walaupun lelaki mempunyai kedudukan yang lebih tinggi, namun dari segi tersembunyi, realistik, praktikal, dan subjektif, keadaan sebenar rumah tangga lebih bergantung kepada wanita. Dalam gereja juga demikian. Meskipun para dikbang begitu baik, sekiranya para dikkak mempunyai masalah, gereja akan mempunyai masalah. Dalam erti kata lain, sekiranya tiada masalah dalam kalangan para dikkak, maka tidak akan ada masalah dalam gereja. Para dikkak boleh menjadi faktor ketenangan dan kedamaian, namun mereka juga boleh menjadi faktor bagi masalah dan pergelutan.

### **Selagi Para Dikkak Tidak Memikirkan Perkara yang Sama, Kehidupan Gereja pasti akan Mengalami Kerosakan yang Besar**

Masalah dalam gereja mungkin berasal daripada para dikkak kerana mereka tidak mudah mempunyai minda yang sama. Oleh sebab minda para dikkak tidak harmoni, kehidupan gereja mungkin akan semakin lemah. Para dikkak mengasihi gereja, malah demi gereja, namun mereka tetap mempunyai kelemahan dan kekurangan, iaitu mereka tidak sentiasa memikirkan perkara yang sama. Ini merupakan halangan yang terbesar terhadap kehidupan gereja. Perkara yang patut ditanggulangi oleh para dikkak iaitu minda mereka yang saling tidak berharmoni. Semua dikkak mengasihi Tuan. Sekiranya mereka tidak mengasihi Tuan, maka mereka tidak akan berada dalam kehidupan gereja. Terdapat ramai dalam kalangan mereka yang telah membayar harga tinggi untuk masuk ke dalam pemulihan Tuan, demi gereja Tuan. Namun disebabkan para dikkak tidak mempunyai minda yang sama dalam kehidupan gereja, sedikit sebanyak akan menjadi penghalang pada tahap tertentu. Para dikkak tidak saling membenci, malah tidak saling bertengkar, namun mereka tidak dapat memikirkan perkara yang sama. Tidak perlu masalah yang besar, pergelutan yang besar, asalkan para dikkak tidak memikirkan perkara yang sama, kehidupan gereja akan mengalami kerosakan yang besar.

### **Perlu Melupakan Segala Hal selain daripada Kristus, malah perlu Berdoa**

Dua masalah terbesar berkaitan dikkak dalam Wasiat Baru ialah minda yang tidak berharmoni dan bergosip. Kita mungkin mengatakan kita berperilaku dalam roh, tetapi apabila kita datang bersama, kita hanya berbual, perbualan kita mungkin bukan dosa, tetapi terlalu bebas, tidak terkawal, tanpa batasan dan pengehadan. Sekiranya para dikkak berhenti bergosip, malah menggantikannya dengan doa, maka keadaan gereja-gereja pasti akan berbeza.

Setiap kali apabila ada orang bertanya tentang orang lain, jawapan yang terbaik ialah “tidak tahu”; malah asas “tidak tahu” ialah memang tidak tahu. Sekiranya kita tahu sesetengah perkara, namun

mengatakan “tidak tahu”, maka itu ialah pembohongan. Demi melindungi diri sendiri, lebih baik jangan mengetahui terlalu banyak perkara. Namun dalam sifat kita yang jatuh, kita selalu ingin mengetahui hal orang lain. Apabila kita ke rumah orang lain, kita mungkin ingin melihat bilik yang tidak mereka jemput kita masuk. Ini sangat merbahaya. Apabila kita ke rumah orang lain, kita tidak patut ingin mengetahui apa yang berada di dalam bilik. Walaupun kita tinggal di sebuah rumah selama 10 hari, kita hanya patut mengetahui bilik tetamu dan dapur. Kemudian, sekiranya ada orang bertanya tentang perkara kehidupan seharian tuan rumah di rumah, kita hanya boleh berkata “tidak tahu”, malah memang tidak tahu. Ini akan menghentikan segala gosip.

Kita memerlukan rahmat dan kurnia Tuan untuk mempelajari satu pelajaran: Melupakan apa yang kita dengar. Minda kita tidak patut mempunyai terlalu banyak perkara. Minda kita patut mempunyai sabda hayat Tuan (Flp. 2:15-16). Semoga kita mengingati sabda Tuan dalam minda kita, dan melupakan segala yang lain. (*CWWL 1975-1976, vol. 1, “The Crucial Function of the Sisters in the Church Life”, pp. 129, 132, 134*)

## **FUNGSI DIKKAK DALAM GEREJA**

### **Pelajaran Tunduk**

Mari kita melihat bagaimana para dikkak berfungsi dalam kehidupan gereja; pelajaran pertama yang patut dipelajari oleh para dikkak ialah tunduk (Ef. 5:21-22). Tunduk memerlukan hayat yang kaya, kerana patuh merupakan ekspresi hayat. Tunduk dalam tindakan dan menjadi orang yang tunduk merupakan dua perkara yang berbeza. Para dikkak perlu belajar bukan sahaja tunduk dalam tindakan, malah perlu menjadi orang yang tunduk. Sekiranya para dikkak dapat mempelajari pelajaran ini, gereja pasti akan berkudrat dan kaya. Untuk para dikkak menjadi tunduk, mereka perlu memahami kedudukan dan status mereka.

Fungsi utama para dikkak ialah perlu menjadi tunduk. Ini bukannya melakukan sesuatu kerja, barulah dikira sebagai fungsi yang sebenar. Menjadi tunduk lebih penting berbanding melakukan sesuatu perkara. Sekiranya para dikkak tunduk, mereka telah melakukan satu perkara yang agung di dunia. Ini merupakan fungsi terbesar para dikkak.

1 Kor. 11:3 berkata, “Namun aku ingin kamu tahu bahawa Kristus ialah kepala setiap lelaki, dan lelaki ialah kepala perempuan, dan Tuhan ialah kepala Kristus”. Dalam ayat Bible ini kita dapat melihat ketertiban divin. ...Sekiranya gereja ingin mempunyai kesaksian yang wajar di alam semesta, para dikkak tidak patut bersungut atau merungut. Para dikkak perlu belajar menjadi patuh. Mereka perlu mempunyai satu sikap: Sebagai seorang dikkak, tidak tahu betul atau salah, hanya tahu satu perkara, iaitu status saya dalam gereja ialah tunduk. Untuk menentukan betul atau salah bukan merupakan tugas atau status dikkak. Para dikkak hanya perlu berada dalam kedudukan yang tunduk.

### **Fungsi Doa**

Apabila para dikkak telah belajar untuk tunduk, maka mereka akan mudah untuk melaksanakan fungsi kedua mereka iaitu berdoa. Gereja lokal sangat memerlukan dikkak untuk berfungsi dalam doa. Doa bukan sahaja fungsi para dikbang, malah para dikkak. Seseengah anggota dalam gereja perlu sentiasa memikul tanggungjawab untuk berdoa demi gereja, termasuk berdoa demi para penatua dan dikbang yang bertanggungjawab.

Sekiranya para dikkak tunduk, Roh Kudus akan memberi mereka beban untuk berdoa demi segala perkara yang berkaitan dengan gereja. Mereka tidak akan mengkritik seseorang dalam gereja, malah sentiasa berdoa demi semua. Mereka akan sentiasa mempunyai beban untuk berdoa demi segala orang dan perkara yang berkaitan dengan kehidupan gereja. Kesedaran, pengetahuan, dan pemahaman mereka terhadap dikbang dan dikkak, ahli keluarga, serta keadaan rohani gereja juga akan bertukar menjadi doa. Mereka pasti tidak akan merungut, bersungut, atau mengkritik; sebaliknya mereka akan patuh, malah sentiasa mempunyai beban untuk berdoa. Fungsi dikkak dalam doa adalah berasaskan ketundukan yang sejati. Inilah tuntutan gereja pada dikkak.

Untuk berfungsi dalam doa, terlebih para dikkak perlu tunduk; mereka perlu berdiri pada status dan kedudukan yang tunduk. Ini sama sekali berbeza dengan generasi zaman ini, jalan dunia ini, serta arus dan gelombang abad ini. Para dikkak perlu jelas, status yang diberikan Tuan kepada mereka iaitu perlu tunduk. Saya ingin mengatakannya sekali lagi, sekiranya para dikkak memainkan tanggungjawab ini, mereka akan mempunyai hayat dan sentiasa berdoa demi gereja. Mata rohani mereka akan lebih tajam, boleh masuk ke dalam hati pekudus dan mengenali keadaan para pekudus. Meskipun mereka mengetahui keadaan pekudus, termasuk keadaan penatua, namun satu patah perkataan pun tidak mengatakan apa-apa. Sebaliknya, mereka patut membawa segala perkara kepada Tuan, menyeru-Nya sebagai kepala yang mempunyai autoriti yang tertinggi. Gereja akan mendapat manfaat yang terbesar disebabkan para dikkak yang berfungsi.

### **Fungsi Menjaga Hal Ehwal Gereja**

Sekiranya para dikkak tunduk, melaksanakan fungsi doa mereka, maka mereka akan mudah mengetahui hal ehwal gereja yang perlu mereka jaga. Hampir setiap perkara dalam gereja memerlukan penjagaan para dikkak. Mereka perlu menjaga dikbang, dikkak, kanak-kanak, pekudus yang berusia, dan orang muda. Dalam rumah tangga, sebagai seorang isteri dan ibu, mereka menjaga hampir segala perkara; gereja juga sebegitu. Segala hal ehwal gereja memerlukan penjagaan para dikkak. Para dikbang sebagai kepala, para dikkak pula diibaratkan sebagai Tubuh, yang mempunyai banyak anggota dan fungsi. Sekiranya para penatua tidak berfungsi dengan sepenuhnya, puncanya bukan kerana mereka mempunyai sebarang masalah; sebaliknya adalah kerana para dikkak mempunyai masalah, kerana para dikkak tidak menjaga penatua dengan baik. Sekiranya dikkak menjaga penatua dengan wajar, penatua pasti akan melaksanakan fungsi mereka. Para dikkak tidak patut merungut berkenaan kerja orang muda sangat lemah. Para dikkak perlu jelas bahawa kerja yang lemah adalah kerana mereka tidak menjaga orang muda dengan baik. Sekiranya dikkak melatih untuk menjaga orang dengan wajar, maka kerja orang muda akan dipertingkatkan.

Sekiranya para dikkak menjaga penatua, orang muda, serta kanak-kanak, maka bantuan mereka terhadap gereja amat besar! Penjagaan para dikkak akan membawa masuk pembinaan gereja yang sejati. Selain itu, para dikkak akan diperkuatkan dalam roh, diperkaya dalam hayat, serta berani dalam segala perkara yang Tuan ingin mereka lakukan. Dalam perhimpunan gabungan gereja, meskipun terdapat banyak dikbang, para dikkak tetap mudah untuk berfungsi. Dikkak perlu lebih banyak berfungsi dalam perhimpunan gereja, malah ini bergantung kepada ketundukan mereka, melaksanakan fungsi doa mereka, serta menjaga perkara yang perlu dijaga dalam gereja. (CWWL 1968, vol. 1, "Various Messages in Los Angeles", pp. 83-88)

### **PELAYANAN PARA DIKKAK DALAM GEREJA**

Kita perlu melihat kedudukan para dikkak dalam gereja, iaitu dalam kerja Tuan. Kita semua tahu bahawa perkara rohani selalunya mempunyai perlambangan dari segi fizikal. Oleh itu, pelayanan para dikkak juga mempunyai perlambangan. Gereja ialah rumah Tuhan. Dalam sebuah keluarga, ada ibu bapa, anak-anak, suami, isteri, yang tua, yang muda, lelaki, dan perempuan. Di sini kita dapat melihat dengan jelas bahawa perempuan mempunyai kedudukan yang tertentu dalam sesebuah keluarga. Secara luaran, kedudukan ini tidak begitu ketara berbanding lelaki, kerana menurut pengatur Tuhan, lelaki ialah kepala. Walaupun negara Barat membicarakan kesaksamaan antara lelaki dan perempuan, meningkatkan hak wanita, namun hakikatnya lelaki masih menjadi kepala. Malah dalam sebuah keluarga, perempuan tidak kira sebagai isteri atau ibu, mempunyai tanggungjawab yang sangat besar dan kesan yang dalam.

Dalam sebuah keluarga yang wajar, perempuan tidak patut menjadi kepala. Sebagai seorang ibu yang misali, perempuan menanggung segala-gala di rumah, namun dia tidak bertindak bersendirian, malah tidak bertindak sebagai kepala secara luaran. Dia melakukan segala perkara menurut perintah suaminya. Dari satu segi, isteri perlu mendapatkan persetujuan daripada suami, malah melakukan sesuatu perkara di bawah pimpinan suami. Dari segi yang lain, hakikatnya, 90% daripada kerja di rumah dilakukan oleh isteri. Sekiranya sebuah rumah tangga tidak demikian, maka ia bukan sebuah

rumah tangga yang baik. Sekiranya dalam sebuah rumah tangga, semuanya dilakukan oleh suami, maka ia merupakan rumah tangga yang teruk dan lumpuh.

Sekarang kita ingin membicarakan lima perkara utama yang memerlukan kerjasama daripada para dikkak untuk melaksanakannya. Kita telah mengabaikan perkara ini sebelum ini. Meskipun kita telah menjaga sebahagian, namun ia masih tidak mencukupi. Para dikbang tidak dapat menanggung lima perkara utama ini, para dikkak perlu menanggungnya.

### **Kerja Kanak-kanak**

Perkara pertama ialah kerja kanak-kanak. Berkenaan kerja kanak-kanak, di dalam saya sesungguhnya terdapat satu beban yang berat. Mulai sekarang, setiap gereja lokal mesti melakukan kerja kanak-kanak. Menurut statistik surat khabar, 45 peratus daripada 13 juta penduduk Taiwan adalah di bawah umur 15 tahun, atau kira-kira 6 juta. Hari ini kita mempunyai banyak gereja lokal, termasuk banyak keluarga, dan kanak-kanak dalam keluarga ini adalah ramai. Saya menganggarkan bahawa terdapat 10,000 kanak-kanak di rumah dikbang dan dikkak di seluruh pulau tersebut, dan terdapat 10,000 kanak-kanak di luar Taipei. Jika kita berjerih lelah terhadap 20,000 kanak-kanak ini, selepas enam atau tujuh tahun, mereka semua akan menjadi dikbang dan dikkak yang muda. Inilah yang perlu dilakukan oleh para dikkak.

### **Mengatur Dikkak yang Melayan untuk Memimpin**

Dari segi amalan, kita perlu memberi perhatian kepada beberapa prinsip. Pertama, perlu beberapa orang dikkak bangkit dalam kalangan dikkak untuk memimpin kerja kanak-kanak. Beberapa orang dikkak yang berusia perlu menerima beban, dan pada masa yang sama, para penatua juga perlu mengatur dan menetapkan kira-kira lima atau enam orang, atau sekurang-kurangnya tiga orang untuk memikul tanggungjawab ini.

### **Menggunakan Setiap Dikkak untuk Memimpin Kanak-kanak**

Kedua, gunakan seramai mungkin dikkak dan minta mereka memimpin kanak-kanak. Ini bukan hanya memimpin dalam perhimpunan, malah membawa kanak-kanak. Jika seorang dikkak tidak dapat membawa sepuluh kanak-kanak, maka lima kanak-kanak. Setiap minggu para dikkak perlu memikirkan cara, mungkin menyewa kereta, untuk membawa kanak-kanak ke perhimpunan seorang demi seorang. Sekiranya tempat perhimpunan tidak mencukupi, anda harus membuka rumah anda sendiri. Secara praktikalnya, para dikkak adalah seperti pengasuh, menjaga kanak-kanak dan berdoa demi mereka. Selepas perhimpunan, bertanggungjawab untuk menghantar mereka balik. Inilah pelayanan yang harus dilakukan oleh para dikkak.

### **Melatih Dikkak yang Muda untuk Menjadi Pengajar**

Ketiga, mesti melatih para dikkak yang muda untuk memimpin perhimpunan kanak-kanak, termasuk dua atau tiga orang sebagai pembantu, mengajar kanak-kanak menyanyi kidung, membicarakan sabda Tuan kepada kanak-kanak. Gereja perlu mengadakan latihan bagi pengajar dengan memberi demonstrasi, untuk melatih dikkak yang muda bagaimana mengajar dan memimpin kanak-kanak. Selain itu, perlu ada dikbang yang bertanggungjawab khusus untuk mengumpul maklumat dan menyusun bahan pengajaran kanak-kanak, dan sekurang-kurangnya tiga set harus disusun: satu untuk kelas rendah, satu untuk kelas pertengahan, dan satu untuk kelas atas.

### **Membuka Rumah untuk Perhimpunan**

Keempat, perlu membuka rumah. Sekiranya kerja kanak-kanak di Taipei dapat dilakukan dengan baik, terdapat kira-kira 300 kumpulan dengan 25 hingga 30 kanak-kanak dalam setiap kumpulan, dengan jumlah hampir 10,000 orang, dan ini memerlukan ratusan tempat. Sudah tentu, kita boleh menggunakan dewan perhimpunan, tetapi ia masih jauh dari matlamat. Oleh itu, perlukan lebih ramai dikbang dan dikkak untuk membuka rumah mereka. Jika terdapat 300 tempat di mana pelayanan

sedemikian dilakukan pada setiap hari Tuan, betapa indahnyanya pelayanan ini, dan kerja Tuan akan disebarluaskan!

Apabila seluruh gereja digerakkan sebegini, semua dikbang dan dikkak akan mempunyai peluang untuk melayan. Ada sesetengah yang membuka rumah, ada yang membawa kanak-kanak ke perhimpunan, dan ada yang mengajar mereka. Apabila semua pekudus bekerjasama dalam sehati sejiwa demi hasrat hati Tuan, manfaatnya tidak terkata. Ini akan memberi tanggapan yang baik kepada kanak-kanak, iaitu kita semua adalah untuk Tuan dan menjaga mereka tanpa sebarang pampasan. Mereka yang membuka rumah, mereka yang mengajar, dan yang membawa kanak-kanak juga tidak meminta sebarang pampasan. Tanpa sebarang pampasan, pekudus menggunakan wang sendiri untuk membayar perbelanjaan bagi mengadakan perhimpunan kanak-kanak. Hasilnya semua orang penuh dengan kegirangan. Dengan berbuat demikian, kanak-kanak akan mempunyai tanggapan yang mendalam sejak zaman muda mereka. Mereka melihat bagaimana orang hidup demi Kristus, berkorban demi Kristus, malah tidak hidup demi diri sendiri. Ini merupakan manfaat yang muktamad. Di samping itu, kerja kanak-kanak juga dengan spontan memberi kesan kepada saudara mara mereka, iaitu apabila ada perhimpunan injil, maka adalah mudah untuk menjemput mereka datang. Oleh itu, kerja kanak-kanak merupakan pelayanan yang terbesar.

### **Memimpin Dikkak yang Lama Tidak Berhimpun**

Perkara kedua dalam pelayan dikkak adalah untuk memulihkan para dikkak yang lama tidak berhimpun. Pertama sekali, para dikkak perlu memikirkan sebarang cara untuk mencari para dikkak yang lama tidak berhimpun. Untuk melakukan ini, memerlukan para dikkak yang memimpin. Kelima-lima pelayanan yang telah disebutkan memerlukan orang yang memimpin. Para dikkak yang memimpin perlu memimpin dikkak yang lain untuk membentuk lebih banyak kumpulan di rumah. Setiap kumpulan sekurang-kurangnya terdiri daripada lapan hingga sepuluh orang dikkak, paling ramai tidak melebihi dua puluh orang. Berkenaan tarikh dan tempat berhimpun boleh ditentukan sendiri. Kita menjemput para dikkak yang lama tidak berhimpun datang ke rumah untuk berbual-bual, minum, makan sesuatu, berkidung, dan bersekutu tanpa sebarang formaliti. Dengan ini, kita percaya bahawa mereka dapat dibawa kembali. Sekiranya kita dapat membawa para dikkak ini bersama semula, separuh daripada para dikbang mereka juga pasti akan dipengaruhi untuk bangkit mengasihi Tuan. Oleh itu, ini juga merupakan satu perkara yang besar.

### **Berkoordinasi dalam Kerja Pelajar**

Perkara ketiga ialah kerja pelajar. Kita juga memerlukan koordinasi para dikkak dalam kerja pelajar. Kita sesungguhnya berharap bahawa di depan setiap pintu gerbang universiti di Taiwan terdapat beberapa rumah dikbang dan dikkak bekerja yang tinggal di sana. Apabila kita masuk ke dalam kampus untuk memberitakan injil dan membawa mereka diselamatkan, maka kita boleh memperkenalkan mereka kepada beberapa rumah ini. Beberapa rumah ini akan menjadi rumah orang muda. Para ibu bapa juga tahu bahawa orang muda tidak suka keluar rumah, malah mereka juga suka pergi ke rumah orang lain. Apabila kita mempunyai rumah yang terbuka, orang muda akan berasa lebih mesra sebaik sahaja mereka masuk. Sekiranya para dikkak menerima beban ini dan berkoordinasi untuk memenuhi keperluan ini, maka kesan injil di kampus akan berganda. Oleh itu, ini juga merupakan satu kerja besar. Sekiranya kerja pelajar mempunyai koordinasi daripada beberapa keluarga dengan memberi sedikit penjagaan kepada pelajar. Ini merupakan bantuan yang terbesar.

### **Belajar untuk Menjadi Ibu Rohani**

Perkara yang keempat ialah para dikkak perlu menjadi ibu rohani. Setelah sekumpulan orang muda dibaptis, ibu bapa mereka sendiri tidak pasti dapat memberikan pimpinan rohani yang wajar kepada mereka. Oleh itu, perlunya ibu rohani untuk menerima beban ini dengan pimpinan Tuan, bagi membantu dan memimpin mereka secara rohani.

Sekiranya para dikkak dapat memimpin orang muda sedemikian, maka ini merupakan satu bantuan yang terbesar. Ini akan memberi peluang kepada orang muda untuk berpaling kepada Tuan. Ini kerana kebanyakan orang muda tidak semestinya mendengar kata-kata ibu bapa mereka, namun mereka lebih mendengar kata-kata ibu rohani mereka. Mereka akan berasa bahawa penjagaan dan kasih kita terhadap mereka adalah daripada Tuan, dan ini akan membuat hati mereka terbuka dan senang bagi mereka untuk menerima kata-kata kita.

Menurut sejarah, terdapat ramai percayawan yang berguna dalam tangan Tuan diselamatkan dan dibangkitkan dari rumah. Contohnya, George Müller yang telah mendirikan beberapa rumah anak yatim. Dia tidak diselamatkan dalam perhimpunan yang besar, tetapi di rumah seorang dikbang untuk menyertai perhimpunan injil di rumah tersebut.

### **Menyediakan Penginapan**

Pelayanan terbesar yang terakhir ialah diharapkan terdapat beberapa dikkak dapat membuka rumah untuk memberi penginapan. Setiap kali ada perhimpunan khas atau latihan remaja, rumah-rumah ini boleh dibuka untuk memberi penginapan. Hasil daripada membuka rumah untuk memberi penginapan adalah sangat kaya dan bermanfaat. Buat masa sekarang, kita mengatur tetamu menginap di dewan perhimpunan untuk tinggal bersama. Walaupun ia mempunyai manfaat, namun ia tetap tidak begitu mesra dan terjaga.

Contohnya gereja di Los Angeles. Setiap kali semasa Latihan Musim Panas, langsung tiada tempat awam untuk penginapan. Oleh itu, terdapat seramai lebih daripada seratus orang pekudus diberi penginapan di rumah pekudus. Semasa kami mengadakan latihan buat kali pertama di Los Angeles pada tahun 1963, terdapat seramai lebih daripada tiga puluh orang pelatih yang melatih secara penuh masa. Pada tahun kedua, bilangan bertambah sebanyak lebih enam puluh orang. Pengaturan bagi penginapan untuk kedua-kedua latihan tersebut diatur oleh kerja. Puji Tuan, pada tahun 1965, kami telah membeli sebuah dewan perhimpunan. Para pekudus juga menjumpai rumah berdekatan dengan dewan perhimpunan. Terdapat seramai lapan hingga sembilan puluh orang pekudus yang tinggal di sekitar dewan perhimpunan. Hasilnya, semua pekudus membuka rumah untuk memberi penginapan semasa latihan pada tahun tersebut. Setiap rumah memberi penginapan kepada dua hingga tiga orang pekudus. Mereka sendiri menerima latihan, tetamu juga menerima latihan. Oleh itu, sebelum perhimpunan pada waktu malam, kebanyakan dikbang dan dikkak berada di sekitar dewan perhimpunan. Orang Amerika jarang berjalan kaki di jalan raya, kebanyakannya memandu kereta sendiri. Namun, pekudus yang tinggal berdekatan dewan perhimpunan tidak memandu kereta. Sebaliknya, mereka berjalan kaki ke perhimpunan dengan membawa Bible. Terdapat hampir seratus orang pekudus daripada lokaliti luar semasa latihan pada tahun tersebut. Semuanya diberi penginapan oleh pekudus tempatan. Penginapan sedemikian meninggalkan tanggapan yang mendalam kepada orang dan merupakan bantuan yang terbesar. Selepas perhimpunan, pekudus pulang ke rumah masing-masing. Tuan rumah dan tetamu mereka dapat mempunyai persekutuan dan doa dengan lebih lanjut.

Dalam sebuah gereja, sekiranya bilangan dikkak berkurang, ini membuktikan gereja tersebut lemah atau kerja dikkak di tempat tersebut bermasalah. Oleh itu, para dikkak perlu bangkit. Selain daripada pelayanan umum gereja sekarang, anda perlu berbahagian secara aktif dengan kelima-lima pelayanan yang disebut di atas. Kamu perlu mengemaskini borang maklumat pekudus, mengenalpasti mereka yang berundur, yang lemah, dan para dikkak yang lama tidak berhimpun, dan memimpin mereka menurut pimpinan Tuan. Bagi kanak-kanak, anda juga perlu mencari borang maklumat yang berkaitan dan menyenaraikan keluarga yang mempunyai kanak-kanak dan mengatur para dikkak untuk melawat dari rumah ke rumah. Apabila rakan sekerja pergi ke tempat tertentu, mereka mesti menggerakkan perkara ini, dan membiarkan para dikkak melakukannya dan belajar menjadi pengasuh serta memimpin dikbang dan dikkak yang muda. (*CWWL 1967, vol. 1, "Serving in Coordination and Washing in Love", pp. 303-309*)

## **PEMBELAJARAN PARA DIKKAK DALAM PELAYANAN**

### **Menggerakkan Beban secara Aktif**

Apabila para dikkak telah menerima beban, mereka mesti berdiri dalam kedudukan dikkak, menutup kepala mereka secara mutlak dan tidak memimpin atau menjadi kepala, tetapi hanya menggerakkan beban secara aktif. Mereka sentiasa meminta agar penatua sentiasa mendorong mereka yang tidak mempunyai beban sehingga ke tahap setiap orang mempunyai beban. Pada masa yang sama, jangan bergantung kepada para penatua kerana mereka tidak boleh berfikir terlalu banyak, sebaliknya, anda perlu berdoa dengan teliti, berkomunikasi dengan baik, dan kemudian meminta agar para penatua memberi perintah. Jangan berharap agar para penatua mengatur, merancang, atau membuat keputusan untuk anda, anda perlu menguruskan segalanya dengan sendiri. Selepas membuat perancangan, jangan membuat keputusan dengan sendiri, tetapi perlu bawa semua rancangan anda kepada penatua untuk pengesahan. Jangan melakukan apa yang penatua tidak benarkan dan arahkan. Akhirnya, para penatua pasti akan dibebani dalam persekutuan.

Oleh itu, dalam pelayanan perkara pertama yang dilakukan oleh para dikkak ialah menggerakkan para dikbang. Oleh sebab para penatua tempatan sibuk, atau mereka mempunyai terlalu banyak perkara untuk dilakukan. Oleh itu, para dikkak perlu menunggu mereka, dan dari satu segi mereka perlu menggerakkan mereka sedikit. Jika anda tidak bergerak, pada suatu hari nanti, bukan sahaja mereka tidak akan melakukannya, tetapi anda juga akan menjadi sejuk di dalam, maka itu sangat kesian. Oleh itu, para dikkak di setiap tempat mesti melakukan kerja menggerakkan.

### **Tidak Menjadi Kepala, Terserah kepada Para Dikbang untuk Membuat Keputusan**

Kedua, perkara yang paling sukar dalam pelayanan ialah para dikkak tidak boleh memimpin atau menjadi kepala, dari satu segi, mereka tidak boleh bersifat longgar, dan mereka mesti memperingatkan para dikbang. Oleh itu, para dikkak memang paling berkemampuan. Dalam gereja, terdapat dua situasi yang paling teruk. Salah satunya ialah para dikkak tidak melakukan apa-apa, dan berfikir bahawa memandangkan para dikbang memimpin, mereka tidak perlu berbuat apa-apa, membiarkan para dikbang memimpin dan melakukan kerja. Keadaan ini tidak betul. Situasi yang lain pula ialah terdapat ramai para dikkak yang beremosi. Mereka berfikir bahawa memandangkan mereka diperlukan untuk melayan, mereka mesti seorang sahaja, dan semua mendengar mereka. Ini benar-benar luar biasa, ini sangat menakutkan, dan inilah masalah gereja. Contohnya, beberapa dikkak diamanahkan untuk menjaga dikkak yang lama tidak berhimpun, dan mereka memutuskan bahawa mereka mesti dibesarkan. Apabila para dikbang bersetuju dengannya, dia melakukannya; apabila para dikbang tidak bersetuju, dia juga melakukannya. Ini menjadi masalah. Oleh itu, perkara yang paling berharga ialah para dikkak perlu aktif dalam pelayanan mereka dan tidak mempunyai pendapat sendiri.

Para dikkak yang anda baca dalam Bible, iaitu mereka yang mengikut Tuan, mereka semua hampir terbakar secara dalaman. Mereka tidak mempunyai pendapat atau penguasaan sendiri; mereka mempunyai cangkul, tetapi mereka tidak memimpin; mereka berada di belakang untuk mendorong para dikbang yang memimpin. Pada hari ini, terdapat keperluan untuk para dikkak sebegini di setiap tempat, mereka tidak menggantikan tempat para dikbang sebagai pemimpin, dan mereka tidak berharap bahawa para dikbang akan mengatur segalanya dengan wajar. Para dikkak harus bersedia. Meskipun para dikbang lambat dalam memimpin, para dikkak harus terus mendorong dari belakang. Meskipun mereka tidak menjadi kepala atau memimpin, namun tetap tidak membiarkan para dikbang bersifat longgar. Walaupun para dikbang marah, kamu tetap tidak marah. Para dikkak perlu menenangkan mereka dan memadamkan api itu. Dengan cara ini, anda merupakan dikkak yang bijak, dikkak yang baik yang dikatakan oleh Raja Lemuel dalam Amsal, yang boleh membina keluarga (31:10).

Banyak kali apabila kita melihat para dikbang, kita rasa mereka lambat dan keliru, tetapi apabila mereka membuat keputusan, keputusan mereka hampir betul. Selalunya para dikkak mempunyai

perasaan terlebih dahulu mengenai sesuatu perkara berbanding para dikbang. Oleh itu, apabila ia datang untuk merasakan sesuatu, melihat sesuatu, dan memahami sesuatu perkara, para dikbang selalunya tidak sehebat para dikkak; tetapi apabila ia datang untuk membuat keputusan, mereka tidak boleh bergantung kepada para dikkak. Kita semua perlu belajar pelajaran ini

### **Menggalakkan Para Dikkak untuk Menggunakan Deria Mereka**

Dalam kehidupan gereja, kita perlu menerima semua perasaan para dikkak dengan cepat. Seperti yang dikatakan oleh para dikkak, jika kita ingin memberitakan injil, kita mesti dapat menjalankannya. Perasaan para dikkak cepat dan sensitif; namun, apabila tiba masanya untuk membuat keputusan, jangan sekali-kali mendengar mereka. Ini adalah pengalaman saya. Semakin para dikkak mengenali diri mereka, semakin mereka akan melihat dan merasakan bahawa anda adalah waras, tetapi anda tidak sepatutnya cuba membuat keputusan. Oleh itu, para dikkak harus menyampaikan perasaan mereka kepada para dikbang dengan cepat, agar para dikbang dapat membuat keputusan. Inilah rahsia kerja saya, saya sentiasa menerima perasaan para dikkak, namun para dikbang perlu membuat keputusan mengenai sesuatu perkara.

Kita semua tahu bahawa perasaan para dikkak sangat halus, dan ini adalah secara semula jadi. Disebabkan perkara-perkara yang halus itu, para dikkak dapat melihat dengan menyeluruh lebih baik daripada para dikbang, dan mereka melihat apa yang tidak dapat dilihat oleh para dikbang. Oleh itu, para dikbang harus cepat menerima perasaan dan pandangan mereka. Walau bagaimanapun, dalam membuat sebarang keputusan, ia terletak pada para dikbang. Kesilapan terbesar para dikbang ialah mereka tidak dapat menerima perasaan para dikkak atau mengikut keputusan para dikkak. Ini merupakan sesuatu yang sangat jahil.

Dalam ciptaan Tuhan, para dikkak itu terperinci dalam segala-galanya, sensitif dalam segala-galanya, benar dalam segala-galanya, dan mendalam dalam segala-galanya. Ini adalah sesuatu yang tidak dapat dibandingkan dengan para dikbang, ini adalah ciptaan Tuhan. Oleh itu, para dikbang perlu menerima perasaan para dikkak dan galakkan mereka berfungsi menurut perasaan mereka. Semakin banyak dikkak yang mempunyai perasaan dalam kehidupan gereja, semakin baik, tetapi para dikkak tidak seharusnya dominan. Apabila ingin membuat sebarang keputusan, para dikkak harus berdiri di belakang dan membiarkan para dikbang untuk membuat keputusan. Pada akhirnya, kita akan melihat bahawa setiap perkara yang dilalui oleh seorang dikbang adalah bermanfaat, dan ia juga merupakan perlindungan dan jaminan untuk para dikkak. Terdapat faedah yang tidak terkata dan tidak terkira dalam mengambil jalan ini.

### **Jangan Melakukan Sesuatu yang Belum Diputuskan oleh Para Dikbang**

Kesimpulannya, pertama, para dikkak di setiap tempat bukan sahaja harus berdoa dan bersekutu bersama, tetapi juga perlu mencari pimpinan Tuan dalam mendorong para dikbang. Kedua, apabila anda pergi untuk mendorong para dikbang, anda mesti ingat bahawa anda ialah dikkak. Walaupun anda lebih terperinci dan teliti daripada para dikbang dari segi perasaan, persepsi, atau penglihatan, namun Tuhan tidak pernah mengamanahkan para dikkak dalam membuat keputusan. Oleh itu, anda mesti mengetahui kedudukan anda sendiri. Dari satu segi, lakukan yang terbaik dalam persekutuan, lakukan yang terbaik dalam meluahkan perasaan anda, dan melakukan yang terbaik dalam mendorong para dikbang; sebaliknya, anda tidak boleh membuat keputusan.

Jangan terus melakukan sesuatu yang para dikbang belum setuju atau putuskan; semuanya mesti melalui para dikbang terlebih dahulu. Sekiranya para dikbang lambat, para dikkak perlu memberi sedikit tekanan agar para dikbang mempunyai beban. Sekiranya para dikbang belum membuat sebarang keputusan, para dikkak tidak patut melakukan sesuatu. Jika kita semua mengetahui prinsip ini, maka tidak akan timbul sebarang masalah; jika tidak, semakin banyak dikkak membuat sesuatu, semakin besar masalah akan timbul. Akibatnya, gereja lokal akan mengalami kerugian yang besar. (*CWWL 1967, vol. 1, "Serving in Coordination and Washing in Love", pp. 341-346*)

## **Memberi Peluang kepada Para Dikkak, biar Mereka dapat Melakukan Sesuatu**

Kita harus cuba sedaya upaya untuk memberi peluang kepada para dikkak untuk melakukan sesuatu, semakin banyak, lebih baik. Lebih daripada sepuluh tahun yang lalu, saya takut untuk mengatakan ini kerana saya bimbang untuk membawa suasana sosial ke dalam gereja dan mengacaulaikan ketertiban. Walau bagaimanapun, hari ini, para dikkak telah dipimpin selama bertahun-tahun dan mengalami ujian dan pergolakan selama bertahun-tahun. Kami benar-benar percaya bahawa para dikkak tersebut jelas tentang kedudukan mereka, jalan Tuhan, dan tugas mereka. Oleh itu, dalam gereja, para dikbang harus memberi lebih banyak peluang untuk menyedarkan, mengembangkan, dan mengaktifkan para dikkak, supaya mereka dapat melakukan lebih banyak dan berfungsi dengan lebih banyak dalam gereja. (*CWWL 1967, vol. 1, "Serving in Coordination and Washing in Love", p. 304*)

## **Para Dikkak Menjadi Bantuan yang Praktikal dan Berkat kepada Gereja**

Sesetengah para dikkak melayani keluarga dengan sangat baik. Mereka tahu bagaimana menjadi bijak dalam keluarga, bagaimana memimpin keluarga, membina keluarga, dan mendorong suami mereka. Dengan prinsip yang sama, jika para dikkak benar-benar mengasihi Tuhan dan gereja seperti mereka mengasihi keluarga mereka sendiri, maka mereka akan berperilaku dengan betul dalam gereja dan bertanggungjawab, sama seperti mereka berperilaku di rumah mereka sendiri. Dengan cara ini, gereja Tuhan akan beroleh bantuan yang terbesar. Lebih-lebih lagi, gereja Tuhan adalah sebuah keluarga, dan ia sangat memerlukan pelayanan ini. Ia memerlukan sekumpulan dikkak untuk menjadi isteri dan ibu yang baik, yang tahu bagaimana memikul tanggungjawab tetapi tidak memimpin. Dalam erti kata lain, mereka tidak bertindak sendiri dan tidak membuat keputusan sendiri. Mereka seperti di rumah apabila menghadapi sesuatu, mereka merujuk kepada suami dan membiarkan dia membuat keputusan.

Bukan itu sahaja, sekiranya para dikkak melihat sesuatu yang tidak menyenangkan, mereka tidak patut berbicara kepada para dikbang dengan cara yang tidak wajar. Mereka patut bersabar dan bijak, sama seperti seorang isteri yang tahu bagaimana menjaga suaminya di rumah. Apabila seorang isteri melihat suaminya marah, dia tidak akan terus menekannya. Selepas dua hari, apabila dia melihat suami berada dalam keadaan yang baik, barulah dia bercakap dengan dia lagi. Dengan cara ini, suami akan menyedari bahawa dialah isteri yang terbaik. Dengan cara yang sama, para dikbang yang memimpin akan menyedari bahawa para dikkak sangat mengasihi Tuan dan gereja serta sangat bertimbang rasa dan membantu pekudus. Dikkak yang sedemikian, yang merupakan isteri terbaik dan ibu yang mengasihi dalam gereja akan menjadi berkat terbesar kepada gereja. (*CWWL 1967, vol. 1, "Serving in Coordination and Washing in Love", p. 347*)

## Sesi Tiga

### Pembentukan Semula Kumpulan Kecil

Soalan 1: Perlukah kumpulan saya dibentuk semula?

Soalan 2: Bagaimanakah harus kumpulan saya dibentuk semula?

**Konsep penting: Daripada besar kepada kecil, daripada datang kepada pergi, daripada perhimpunan kepada orang.**

#### **I. Membentuk semula rangka kumpulan kecil dan anggota-anggotanya:**

- A. Setiap distrik membentuk tiga kumpulan (atau lebih banyak), setiap kumpulan terdiri daripada 12 anggota, iaitu 6 pekudus berkoordinasi menjaga 6 pekudus dan rakan injil.
- B. Perhimpunan kumpulan sekali seminggu, bergilir-gilir pergi ke rumah pekudus atau ke rumah rakan injil yang sudi membuka rumah; berhimpun dari rumah ke rumah, agar setiap rumah menjadi perhentian injil, kebenaran, bekalan hayat, supaya rakan, jiran, rakan sekelas yang diundang mempunyai peluang menerima berkat. Rumah yang dibuka menjadi sarana berkat Tuhan.
- C. Setiap kumpulan harus mempunyai 3 senarai nama: ① Sentiasa berhimpun; ② jarang berhimpun; dan ③ rakan injil.
- D. Setiap kumpulan mempunyai 2 kumpulan kecil; fungsi kumpulan kecil ialah memberitakan injil, melawat, menjaga, dan menggembala.
- E. Jamuan kasih, memberi penginapan, pelayanan orang lewi, penginjilan, mengetuk pintu, menjaga, memapah, berdoa-pinta, pembauran, pemugaran pagi, penggembalaan, persidangan, dan latihan—semua dilaksanakan dalam kumpulan.

#### **II. Masa terbaik bagi pembentukan kumpulan kecil—merampas peluang peralihan daripada berhimpun atas talian kepada perhimpunan fizikal.**

#### **III. Kunci kejayaan kumpulan kecil—orang yang vital:**

- A. Kehidupan pemugaran pagi—mata air bagi kevitalan;
- B. Kehidupan doa—sumber bagi kudrat;
- C. Kehidupan pembauran—punca bagi motivasi;
- D. Ketiga-tiga kekuatan menjadi semangat rohani.